

Headline	Bimbingan pensyarah, penyelia dituntut elak unsur plagiat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	V2	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	361 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,175
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,525



Bimbingan pensyarah, penyelia dituntut elak unsur plagiat

Tahap kesedaran rendah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mengenai kesalahan melakukan plagiat menyebabkan fenomena itu sukar dibendung.

Ditambah pula dengan kecenderungan mencari kaedah mudah dan cepat untuk menyelesaikan tugas selain ketiadaan hukuman atau tindakan 'berat' dikenakan ke atas pelajar yang melakukan plagiat menyebabkan fenomena itu terus berlaku.

Pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Analisis Semiotik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Hajjah Lamiri, berkata alasan kesuntukan masa atau kesibukan tugas lain antara punca yang mendorong pelajar mengambil jalan mudah untuk menyiapkan tugas diberikan pensyarah.

"Kebanyakan pelajar tidak memahami apa sebenarnya plagiat menyebabkan mereka tanpa sedar melakukan kesalahan itu dalam menyiapkan tugas. Di sini, peranan pensyarah atau penyelia dituntut bagi membantu pelajar mengelakkan risiko plagiat," katanya.

Jalan singkat

Bagi pelajar Sarjana Pengajian Bahasa Gunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Muhammad Aizat Azhari

berkata sikap sesetengah pelajar tidak mahu berfikir panjang dan tiada kesungguhan atau kemahuan untuk memerah idea serta kreativiti turut menjurus kepada perbuatan ini.

Katanya, pelajar terbabit hanya ingin memastikan tugas diberikan siap dan diserahkan kepada pensyarah tepat pada masanya, justeru jalan singkat seperti 'cut and paste' dari internet atau meniplak hasil kerja orang lain

menjadi amalan.

"Saya bernasib baik kerana mendapat bimbingan dan bantuan daripada pensyarah dan penyelia dalam proses awal menyiapkan tesis. Taklimat dan penerangan diberikan banyak membantu proses menghasilkan tesis yang memenuhi standard serta kualiti ditetapkan sekali gus mengelakkan unsur plagiat.

"Di sinilah pentingnya pelajar memanfaatkan sepenuhnya bimbingan penyelia yang kebanyakannya bertaraf profesor dan mempunyai pengalaman luas dalam penyelidikan," katanya.

Sikap pelajar

Pelajar Sarjana Pengurusan Komunikasi, UKM, Dayangku Egawaty Awang Yusof pula berkata pilihan terletak kepada pelajar dan sikap masing-masing.

Katanya, tidak salah merujuk sesuatu sumber kerana dalam konteks pembelajaran di universiti, pelajar digalakkan berbuat demikian sebagai panduan bagi meningkatkan pemahaman dalam sesuatu bidang.

"Pendekatan yang betul, pelajar perlu membuat kesimpulan atau rumusan mengikut pemahaman sendiri, bukan meniplak karya atau penulisan orang lain sewenang-wenangnya," katanya.

“

KEBANYAKAN PELAJAR TIDAK MEMAHAMI APA SEBENARNYA PLAGIAT MENYEBABKAN ME-REKA TANPA SEDAR MELAKUKAN KESALAHAN”

Hajjah Lamiri,
Pelajar UKM

“

PENDEKATAN YANG

BETUL, PELAJAR PERLU MEMBUAT KESIMPULAN ATAU RUMUSAN MENGIKUT PEMAHAMAN SENDIRI, BUKAN MENCIPLAK”

Dayangku Egawaty Awang Yusof,
Pelajar UKM

“

SAYA BERNASIB BAIK KERANA MENDAPAT BIMBINGAN DARIPADA PENSYARAH DAN PENYELIA DALAM PROSES AWAL MENYIAPKAN TESIS”

Muhammad Aizat Azhari,
Pelajar UiTM

